

**NO. SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9406**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap "*Stateless Child*" yang lahir daripada keluarga Pendatang Tanpa Izin di Sabah.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftarkan setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia termasuklah kanak-kanak yang dilahirkan oleh pasangan bukan warganegara atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) selaras dengan peruntukan di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah CAP 123). Setiap pendaftaran kelahiran di Negeri Sabah akan dikeluarkan dengan dokumen kelahiran mengikut taraf kewarganegaraan seperti mana berikut:-**

- 1. Kanak-kanak bertaraf warganegara dikeluarkan dengan Sijil Kelahiran; dan**
- 2. Kanak-kanak bertaraf bukan warganegara dikeluarkan dengan Rekod Kelahiran.**

**Dokumen Pendaftaran Kelahiran yang dikeluarkan oleh JPN adalah bukti bahawa kelahiran tersebut telah berlaku di Malaysia dan ia tidak menyebabkan kanak-kanak tersebut memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira dan diteliti dalam penentuan status kewarganegaraan seperti tarikh dan tempat kelahiran, taraf kewarganegaraan serta status perkahwinan ibu dan bapa seperti mana diperuntukkan di**

**Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi perkahwinan yang tidak berdaftar atau anak lahir sebelum perkahwinan, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.**

**Berhubung dengan isu *stateless* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, istilah *stateless* secara umumnya adalah merujuk kepada seseorang yang pada masa ini tidak bernegara iaitu beliau tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, sepatutnya di Malaysia tiada mereka yang berstatus *stateless*. Ini adalah kerana mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tiada dokumen perjalanan. Realitinya, golongan ini telah memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan yang sah atau pendatang asing tanpa izin (PATI) dan mereka dengan sengaja menyembunyikan maklumat tersebut dengan niat untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri Malaysia.**

**Bagi memastikan agar setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah dan *accessible* Kerajaan melalui JPN telah mengambil langkah proaktif seperti:-**

- 1. Program *Outreach* iaitu program turun padang;**
- 2. Program Unit Khas Bergerak (*Mobile Unit*) untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman; dan**

- 3. Membuka kaunter-kaunter di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

**Oleh itu, bagi menggalakkan penyertaan semua pihak, pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat sebegini kepada pemohon yang berkecualan.**